

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 MEI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 23

### Pendapatan melonjak lima kali ganda

## Pendapatan melonjak lima kali ganda

Suami isteri peroleh hingga RM15,000 sebulan hasil jualan makanan menerusi mesin layan diri IPR

BUKIT MERTAJAM

**S**epasang suami isteri yang menjalankan makanan dari rumah dengan keuntungan RM2,500 hingga RM3,000 sebulan, tidak menyangka maklumat diperoleh daripada Facebook mengenai Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) membantu mereka meraih pendapatan hampir lima kali ganda.

Amin Afifi Yaacob, 36, berkata, dia dan isterinya Yufazeza Yusof, 30, kini mampu memperoleh pendapatan antara RM10,000 hingga RM15,000 sebulan dengan berniaga menggunakan mesin layan diri yang dibekalkan di bawah IPR, kategori Inisiatif Usahawan Makanan (Insan) sejak Oktober lalu.

"Saya sebelum ini bermula dengan pelbagai jenis makanan termasuk kek dari rumah iaitu jualan dibuat menerusi laman sosial dan apabila mengetahui mengenai IPR menerusi Facebook, saya terus mendaftar sebelum dihubungi yang saya berjaya menyertaiinya menerusi bantuan mesin layan diri.

"Kami dapat mesin pada September 2023 dan mula berniaga menggunakan bermula Oktober di kafeteria di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Pulau Pinang di Permatang Pauh. Alhamdulillah, sambutan yang diterima sangat menggalakkan," katanya ketika ditemui Bernama.

Amin Afifi yang mempunyai dua anak lelaki berusia tiga dan enam tahun itu ber-

kata, dia bersama isterinya menyediakan pelbagai jenis menu di mesin layan diri bagi memberi pilihan kepada pelajar-pelajar di situ mendapat makanan yang variasi.

#### Menu terkini

Katanya, makanan yang disediakan juga mengikut menu terkini dan pilihan pelajar termasuk nasi lemak, ayam goreng Korea, ayam goreng keju, cop ayam, spaghetti, kekacang, tortilla, sandwich dan pelbagai lagi.

"Meni kita sentiasa berubah-ubah mengikut pilihan makanan terkini dan tular, lagi satu saya seluruhnya bertanya apa yang mereka (pelajar) mahu supaya makanan yang kami sediakan itu menjadi pilihan mereka dan saya lebih suka bawakan menu dari restoran makarai segera dengan harga yang berpatutan.

"Nasi lemak dengan faut telur, nuget dan sosej serta nasi lemak lauk ayam yang dijual pada harga RM3 dan RM4 merupakan menu yang sering habis awal di mesin layan diri itu, malah ia merupakan makanan yang diletakkan setiap hari di situ berbanding menu lain yang saya letak secara berselang-selang," katanya.

Amin Afifi yang tinggal di Bukit Minyak di sini berkata, setiap hari dia akan membeli barangang segar untuk memasak sebelum menghantar ke mesin layan diri itu pada 2 petang dan 10 malam setiap hari supaya makanan itu sentiasa berada dalam keadaan segar.

#### Kongsi rezeki

Katanya, sebanyak 60 hingga 70 peratus makanan yang dihantar ke mesin layan diri adalah hasil air tangan dia dan isteri manakala selebihnya adalah daripada vendor yang membekalkan makanan seperti burger, roti John dan pizza kerana mereka berbukongsi rezeki dengan mereka.

"Menu yang kami jual seluruhnya tidak sama dengan makanan di kafeteria kerana



Amin Afifi bersama mesin layan diri IPR di Kafeteria UiTM Cawangan Permatang Pauh.

kita tidak mahu bersaing dengan mereka, malah makanan yang dihantar di mesin layan diri itu juga dilakukan pada sebelah malam selepas kafeteria ditutupjadi pelajar-pelajar mempunyai pilihan untuk membelinya.

"Saya juga akan maklumkan menu apa yang dihantar di mesin layan diri terbatit menerusi kumpulan Telegram pelajar UiTM di situ supaya mereka dapat membentilinya.

"Selap bulan sahaja boleh menjual lebih 5,000 kuantiti pelbagai jenis makanan yang dijual pada harga RM1 hingga RM8," ujaranya.

#### Rezeki baharu

Justeru, beliau menzhirkkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Ekonomi yang membuka peluang rezeki baharu kepada mereka, sekali gus dapat meraih nafas lega kerana tidak lagi diberenggu masalah pendapatan tidak menentu.

IPR yang dilancarkan oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli pada Februari tahun

lepas bertujuan membantu golongan miskin tegar, miskin dan B40 menjana pendapatan mamparn.

Inisiatif berkenaan melibatkan kerjasama antara kerajaan, rakyat dan rakan strategik selaras dengan pendekatan keseluruhan negara seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), serta prinsip Ihsan di bawah Kerangka Dasar Madani.

Menerusi inisiatif Insan, penerima akan diberikan mesin layan diri di tempat terpilih serta kos sewaan bulanan yang dianggaran antara RM600 hingga RM800 ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan selama dua tahun.

Selain Insan, IPR turut menawarkan kategori Inisiatif Usahawan Tani (Intan) kepada syarikat pertanian, rantau, peruncitan makanan, pengeluaran, agensi-agensi kerajaan berkaitan dan koperasi serta Inisiatif Operator Perkhidmatan (Ikhsan) kepada syarikat swasta yang memerlukan pekerja sambilan untuk tujuan pembersihan atau prenis.



Amin Afifi menyusun makanan yang dijual di mesin layan diri IPR. [www.aksaharian.my](http://www.aksaharian.my)



Makanan yang dijual oleh Amin Afifi di UiTM Cawangan Permatang Pauh.